



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KERANCUAN BAHASA MELAYU PADA PAPAN TANDA PERNIAGAAN
DI PERINGGIT, MELAKA, MALAYSIA**

ISBAHUDIN BIN AWANG HALIM

FBMK 2019 49



**KERANCUAN BAHASA MELAYU PADA PAPAN TANDA
PERNIAGAAN DI PERINGGIT, MELAKA, MALAYSIA**

Oleh

ISBAHUDIN BIN AWANG HALIM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Ogos 2019

Semua bahan yang terkandung di dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung di dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang nyata daripada pihak Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KERANCUAN BAHASA PADA PAPAN TANDA PERNIAGAAN DI PERINGGIT, MELAKA, MALAYSIA

Oleh

ISBAHUDIN BIN AWANG HALIM

Ogos 2019

Pengerusi : Prof. Madya Norazlina binti Haji Mohd. Kiram, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan mutakhir ini dilihat semakin goyah. Satu daripada faktor kegoyahan tersebut adalah disebabkan oleh penuliran papan tanda perniagaan yang rancu dengan kepelbagaian penyalahgunaan dan kesalahan linguistik. Hakikat inilah yang mendorong kajian ini dilaksanakan oleh penyelidik untuk menganalisis fenomena tersebut secara tuntas di Peringgit, Melaka. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti kerancuan bahasa, menganalisis kerancuan bahasa berdasarkan Analisis Kesalahan Berbahasa (Tarigan, 1984) dan akhirnya merumuskan kerancuan bahasa yang terdapat pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka. Domain kajian ini terbatas kepada tiga zon premis perniagaan utama di bandar Peringgit. Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif, iaitu proses pengumpulan data dilakukan melalui dua kaedah, iaitu kaedah kerja lapangan dan analisis kandungan. Pengkaji berada sendiri di lapangan untuk meninjau, merakam, merekod dan mencatat data. Penganalisan data kajian ini dilakukan berdasarkan lima prosedur kerja yang ada di dalam teori Analisis Kesalahan Berbahasa (Tarigan, 1984), iaitu mengumpulkan data kesalahan, mengklasifikasikan kesalahan, memeringkatkan kesalahan, menjelaskan kesalahan dan membetulkan kesalahan. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa terdapat 36 sampel kerancuan yang dikesan daripada 131 data yang dikumpulkan, merangkumi kesalahan pada aspek ejaan dan tanda baca (46.15%), morfologi (5.77%), sintaksis (44.23%) dan leksikon (3.85%). Justeru, kajian ini diharapkan mampu memartabatkan bahasa Kebangsaan terutamanya melalui pembangunan dan pengstrukturkan semula papan tanda perniagaan yang lebih berkualiti, sekali gus mengukuhkan identiti negara yang telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the Masters of Art

MISAPPROPRIATE USE OF LANGUAGE ON BUSINESS SIGNBOARDS IN PERINGGIT, MELAKA, MALAYSIA

By

ISBAHUDIN BIN AWANG HALIM

August 2019

Chairman : Associate Professor Norazlina binti Haji Mohd. Kiram, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

In the era of globalization, bahasa Melayu as the national language is now at the edge of not being appreciated or even belittling by many. One of the factors that belittle the language is due to linguistic errors on business signboards. Therefore, this research is derived by researchers to analyse this phenomena basically in Peringgit, Melaka. The objective of this research is to diagnose causes of this misappropriate use of language, analyse the causes in relation to Language Errors Analysis (Tarigan, 1984) and finally find a conclusion of misappropriating language on business signboards in Peringgit, Melaka. The domain research is limited to 3 premier business zones in the area of Peringgit, Melaka. The research is also based on qualitative approach, such as, the collection of data is done through fieldwork and content analysis, whereby the researcher himself will be observing, collecting, recording and stating data. Analysis of this research is based on five work procedures that are recorded in Language Error Analysis (Tarigan, 1984), and those are: collecting data, classifying data, verifying data, explaining incorrect data and correcting data. Research concludes that there are numerous business signboards in Melaka that are still with lots of inappropriate use of language in terms of linguistic errors (36 samples from 131 data collected), that is spelling (46.15%), morphology (5.77%), sentence structures (44.23%) and lexicon (3.85%). Nevertheless, this research will be able to uphold our national language through development and reconstruct once again business signboards with quality, as well as to uphold national identity that placed bahasa Melayu as our national language.

PENGHARGAAN

Lafaz syukur yang tidak terhingga kepada Yang Maha Esa atas segala nikmat dan rahmat yang telah diberikan sehinggalah tesis ini berjaya disempurnakan dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Norazlina binti Haji Mohd. Kiram (Pengerusi) yang sering berlapang dada membantu, memberi tunjuk ajar dan semangat kepada saya dalam usaha menghasilkan satu kajian yang berkualiti. Ucapan terima kasih juga khas ditujukan kepada Dr. Hasnah binti Mohamad (Ahli Jawatankuasa) yang turut membantu saya dalam perkongsian idea untuk memantapkan kajian yang dijalankan. Kaliber dan dedikasi kedua-dua penyelia ini telah banyak memberi inspirasi kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat di sepanjang proses penyediaan tesis ini termasuklah pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Tajaan), Universiti Putra Malaysia (Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi), Dewan Bahasa dan Pustaka, Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah) dan rakan-rakan yang turut berperanan membantu saya dalam bentuk keperluan masing-masing.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ini juga diucapkan kepada permata hati saya, Putri Noorhasnira Tajeli bersama-sama si putra dan si putri yang banyak melakukan pengorbanan dan memberi dorongan agar saya mencapai kejayaan dalam pengajian.

Semoga jasa dan pertolongan tuan dan puan akan dirahmati tuhan dan sejahteralah tuan dan puan semuanya di dunia mahupun di akhirat. Semoga kasih sayang dan kesetiaan kita terhadap bahasa Melayu tidak akan pernah padam sampai bila-bila.

BAHASA JIWA BANGSA
ISBAHUDIN BIN AWANG HALIM
OGOS 2019

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (tarikh *viva voce*) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi (Md Jais Bin Ismail) bagi menilai tesis beliau yang bertajuk 'Keberkesanan Pendekatan Euritmik Dalcroze Dalam Peningkatan Koordinasi Menyanyi dan Bermain Alat Perkusi Kompang Dalam Kalangan Pelajar Sekolah' mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah (jenis ijazah).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:



(Rusli Bin Haji Abdullah, PhD)
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera.

Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Norazlina binti Mohamad Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof.Madya Dr. Norazlina Mohd Kiram

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Hasnah binti Mohamad

JADUAL KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|------------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| PENGESAHAN | iv |
| PERAKUAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xi |
| SENARAI GRAF | xi |
| SENARAI SINGKATAN | xii |
| BAB | |
| 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 2 |
| 1.3 Objektif Kajian | 4 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 4 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 5 |
| 1.6 Batasan Kajian | 6 |
| 1.7 Definisi Operasional | 7 |
| 1.7.1 Kerancuan Bahasa | 7 |
| 1.7.2 Papan Tanda Perniagaan | 8 |
| 1.7.1 Kawasan Bandar Peringgit, Melaka | 9 |
| 1.8 Rumusan | 9 |
| 2 SOROTAN LITERATUR | 10 |
| 2.1 Pengenalan | 10 |
| 2.2 Kajian Kesalahan Bahasa pada Papan Tanda dan Iklan | 10 |
| 2.3 Kajian Kerancuan Bahasa dalam Media Massa | 14 |
| 2.4 Kajian Analisis Kesalahan Berbahasa (AKB) | 19 |
| 2.5 Perkaitan Kajian Lepas dengan Kajian yang Dijalankan | 24 |
| 2.6 Rumusan | 25 |
| 3 METODOLOGI | 26 |
| 3.1 Pengenalan | 26 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 26 |
| 3.2.1 Kerangka Teori | 26 |
| 3.2.1.1 Pendahuluan | 26 |
| 3.2.1.2 Analisis Kesalahan Berbahasa (AKB) | 27 |
| 3.2.1.3 Taksonomi Kategori Linguistik | 28 |
| 3.2.2 Kaedah Kajian | 31 |
| 3.2.2.1 Kaedah Kerja Lapangan | 31 |
| 3.2.2.2 Kaedah Analisis Kandungan | 32 |
| 3.2.3 Tempat Kajian | 32 |
| 3.2.4 Populasi dan Persampelan | 33 |
| 3.2.5 Instrumen Kajian | 33 |
| 3.2.6 Tatacara Kajian | 34 |
| 3.2.7 Penganalisan Data | 34 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 3.2.8 | Kerangka Konseptual | 36 |
| 3.3 | Rumusan | 37 |
| 4 | ANALISIS DATA | 38 |
| 4.1 | Pengenalan | 38 |
| 4.2 | Pengenalpastian Kerancuan Bahasa pada Papan Tanda Perniagaan di Peringgit, Melaka. | 38 |
| 4.2.1 | Zon 1 | 39 |
| 4.2.2 | Zon 2 | 41 |
| 4.2.3 | Zon 3 | 44 |
| 4.3 | Penganalisan Kerancuan Bahasa pada Papan Tanda Perniagaan di Peringgit, Melaka dengan Menggunakan AKB (Tarigan, 1984). | 51 |
| 4.3.1 | Mengumpulkan Data dan Mengklasifikasikan Kesalahan | 51 |
| 4.3.2 | Menyusun Peringkat Kesalahan Berdasarkan Kekekapan | 62 |
| 4.3.3 | Menjelaskan Kesalahan atau Sebab Akibat dan Membetulkan Kesalahan | 65 |
| 4.4 | Rumusan Kerancuan Bahasa di Peringgit, Melaka | 85 |
| 4.5 | Implikasi Dapatan Kajian | 87 |
| 4.6 | Rumusan | 88 |
| 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN | 89 |
| 5.1 | Rumusan | 89 |
| 5.2 | Cadangan | 90 |
| 5.2.1 | Cadangan Kajian | 90 |
| 5.2.2 | Cadangan Kajian Selanjutnya | 91 |
| 5.3 | Penutup | 92 |
| | BIBLIOGRAFI | 94 |
| | LAMPIRAN | 99 |
| | BIODATA PELAJAR | 130 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka Surat |
|---------------|---|-------------------|
| 1 | Tahap Penggunaan dan Pematuhan Bahasa Melayu | 13 |
| 2 | Kerangka Model AKBI | 23 |
| 3 | Model TKL berdasarkan AKB (Tarigan, 1984) | 29 |
| 4 | Modifikasi Model TKL (Tarigan, 1984) | 30 |
| 5 | Data Pengesanan Kerancuan Bahasa di Zon 1, KB Peringgit | 39 |
| 6 | Data Pengesanan Kerancuan Bahasa di Zon 2, KB Peringgit | 41 |
| 7 | Data Pengesanan Kerancuan Bahasa di Zon 3, KB Peringgit | 44 |
| 8 | Data Kerancuan dan Spesifikasi Kesalahan berdasarkan TKL | 53 |
| 9 | Data Kekerapan Kesalahan Berbahasa berdasarkan TKL | 63 |
| 10 | Data Kerancuan Bahasa pada Papan Tanda Perniagaan di KB Peringgit | 85 |

SENARAI RAJAH

Rajah

1 Peta Pokok Taksonomi AKB

Muka Surat

28

SENARAI RAJAH

Graf

1 Data Kerancuan Bahasa pada Papan Tanda Perniagaan di KB Peringgit

Muka Surat

51

2 Data Kekerapan Kesalahan TKL mengikut Zon

64

3 Peratus Kekerapan Kesalahan TKL

64

4 Peratus Kedudukan Kerancuan mengikut Zon di KB Peringgit

86

5 Peratus Kesalahan Bahasa mengikut TKL

87

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|--|
| AKB | Analisis Kesalahan Berbahasa |
| AKBI | Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia |
| Anakes | Analisis Kesalahan |
| AMJ | Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin |
| D-M | Diterangkan-Menerangkan |
| DBP | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| JUPEM | Jabatan Ukur dan Pemetaan Melaka |
| KB | Kawasan Bandar |
| KM | Kata Majmuk |
| KP | Kata Pinjaman |
| KNK | Kata Nama Khas |
| MBMB | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| RK | Rangkaian Kata |
| TEK | Taksonomi Efek Komunikatif |
| TK | Taksonomi Komparatif |
| TKL | Taksonomi Kategori Linguistik |
| TSP | Taksonomi Siasat Permukaan |
| F | Fonologi |
| M | Morfologi |
| S | Sintaksis |
| L | Leksikon |
| PT3 | Penilaian Tingkatan 3 |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada abad yang ke-16, Kesultanan Melayu Melaka telah muncul sebagai sebuah kerajaan Melayu yang begitu masyhur. Selain terkenal sebagai pusat perdagangan entrepot, Melaka juga menjadi sebagai pusat penyebaran ilmu. Kedudukan bahasa Melayu pada ketika itu begitu agung, iaitu berstatus *Lingua Franca* (Zainal Abidin Abdul Wahid, 2008:3). Awang Sariyan juga turut menyatakan perkara yang sama apabila beliau memetik kata-kata sarjana Belanda, Francois Valentijn yang menggambarkan bahawa taraf bahasa Melayu telah menjadi seakan-akan bahasa Latin dan bahasa Perancis di Eropah (2002:20). Bahasa Melayu dijadikan bahasa perhubungan antarabangsa merangkumi urusan politik dan ketatanegaraan, ekonomi, sosial dan agama (Abdul Rahim Abu Bakar dan Awang Sariyan, 2005:140; Awang Sariyan, 2000:1).

Setelah negara mencapai kemerdekaan secara rasmi pada 31 Ogos 1957, hasil daripada kesungguhan dan semangat pejuang bahasa yang ingin meletakkan bahasa Melayu pada hierarki yang sepatutnya, maka bahasa Melayu telah berjaya diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Perkara ini termaktub di dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Badan yang diberikan amanah secara khusus untuk merancang bahasa Melayu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui penubuhan Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 dan kemudiannya dipinda menjadi Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, Pindaan dan Peluasan 1995 (Abdul Rahim Abu Bakar dan Awang Sariyan, 2005:142). Menurut Awang Sariyan (2017:6), perancangan bahasa di Malaysia ini melibatkan dua aspek utama, iaitu perancangan taraf bahasa dan perancangan korpus bahasa. Perancangan taraf bahasa meliputi semua upaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan. Dalam perancangan korpus bahasa pula, usaha dilakukan melalui dua strategi, iaitu pembinaan dan pengembangan bahasa.

Sungguhpun demikian, pancapersada bahasa kebangsaan ini kian tercabar oleh pemikiran dan pegangan moden yang mula memandang remeh akan segala usaha ke arah pendaulatan dan pemartabatan bahasa Melayu. Bahasa Melayu dikatakan tidak sempurna sebagai bahasa utama dalam komunikasi global (Jeniri Amir, 2009:9). Hakikatnya, cabaran terhadap bahasa Melayu ini telah bermula dari tahun 1970-an lagi sehinggalah sekarang (Kamal Shukri Abdullah Sani, 2007:14). Peranan dan tanggungjawab DBP pula dilihat semakin diperlekeh dengan kerenah penyalahgunaan dan pencemaran bahasa yang bertebaran secara bebas sama ada melalui wadah media cetak mahupun media elektronik. Papan tanda iklan dan perniagaan giat sekali memaparkan tulisan yang mengandungi keanekaan kesalahan bahasa merangkumi sistem ejaan, sintaksis, morfologi dan leksikon. Fenomena jelek ini semakin hari dilihat semakin tidak terkawal dan secara jelas memperlihatkan betapa rancunya bahasa Melayu kita. Bukan sahaja segala peraturan dan ketetapan yang termaktub di dalam

akta bahasa tidak dipatuhi dan diambil peduli masyarakat, malah disangkal keupayaannya. Kerancuan bahasa ini mampu mencetuskan suatu malapetaka besar kepada bahasa Melayu. Senario ini seolah-olah memperlihatkan kepada kita bahawa rakyat Malaysia tidak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi persekutuan.

Berdasarkan penelitian pengkaji, senario kerancuan bahasa ini berlaku secara lebih dominan di kawasan bandar utama di setiap negeri. Pengkaji turut mengakui kebenarannya bahawa senario yang sama juga turut terkesan di Melaka. Pengisytiharan Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah pada 15 April 1989 (hids.arkib.gov.my) dan negeri yang ketujuh di Malaysia yang diberi status bandar raya setelah disytiharkan secara rasmi pada 15 April 2003 (<https://ms.m.wikipedia.org>) telah menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat destinasi pelancongan dan secara tidak langsung telah merencanakan kewujudan pelbagai jenis premis perniagaan. Dalam konteks kajian, pengkaji turut mendapati bahawa papan tanda perniagaan yang terdapat di premis perniagaan di Melaka turut memperlihatkan kerancuan bahasa. Kesalahan ejaan, morfologi, sintaksis dan leksikon melatari bahasa yang digunakan pada papan tanda perniagaan yang terpamer pada luar premis perniagaan. Penggunaan papan tanda yang sedemikian dilihat semakin hari semakin berleluasa ekoran ketiadaan aktiviti penguatkuasaan yang serius dalam mengatasi isu ini. Teo Kok Seong dalam Amizul Tunizar dan Zulkarnain (2016) juga turut menyentuh isu ini apabila menggambarkan bahawa berlakunya ketirisan dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan isu ini. Oleh yang demikian, senario ini telah mendorong pengkaji mengemukakan satu kajian yang akan merungkai masalah kerancuan bahasa pada papan tanda perniagaan yang berlaku di Peringgit, Melaka.

1.2 Pernyataan Masalah

Papan tanda merupakan satu wadah yang berfungsi sebagai pemberi maklumat tentang sesuatu perkara yang ingin dinyatakan secara ringkas dan berkesan. Namun demikian, mutakhir ini kepentingan aspek ejaan dan tatabahasa yang betul pada papan tanda semakin diabaikan. Kekekapan kesalahan bahasa yang digunakan pada papan tanda ini menggambarkan betapa rancunya bahasa kita. Kerancuan bahasa ini memberi implikasi yang cukup besar kepada akar budaya masyarakat dan identiti negara kita. Abdullah Hassan (1989:14) turut mengakui bahawa kekekapan kesalahan bahasa yang berlaku di negara kita ini boleh merosakkan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji juga, fenomena kerancuan bahasa pada papan tanda ini turut berlaku di Melaka. Banyak kesalahan tatabahasa dikesan pada bahasa yang digunakan pada papan tanda, merangkumi kesalahan ejaan, morfologi, sintaksis dan leksikon. Kerancuan bahasa pada papan tanda perniagaan ini sudah tentunya membawa impak yang besar kepada masyarakat sekiranya tidak ditangani dengan segera. Oleh yang demikian, pengkaji mengharapkan kajian ini mampu menyampaikan maklumat kepada masyarakat, khususnya kepada PBT bahawa papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka ini mengandungi kesalahan bahasa dan sewajarnya diperbetul agar martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus terjaga.

Selain itu juga, berlaku kekeliruan yang jelas dalam masyarakat berkaitan penggunaan bahasa Melayu yang betul dengan yang salah. Kekeliruan ini berlaku apabila berlakunya pemesanan pemahaman tentang bahasa. Masyarakat yang terdedah dengan penggunaan bahasa yang salah pada papan tanda yang digunakan di premis perniagaan secara lazim, kerap dan melibatkan tempoh yang amat panjang akan beranggapan bahawa setiap tulisan yang ada pada papan tanda tersebut itu betul, meskipun bersalahan dengan tatabahasa. Kenyataan ini bertepatan dengan pendapat yang telah diutarakan oleh Awang Sariyan (1988:53) bahawa masyarakat umum telah terkeliru dengan pemahaman bahasa sehinggakan yang salah dianggap benar dan yang benar dianggap salah. Kekeliruan pemahaman terhadap penggunaan bahasa yang betul dengan yang salah ini menyebabkan bahasa Melayu menjadi semakin rancu. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak tertentu khususnya DBP untuk membetulkan kesalahfahaman bahasa dalam masyarakat, namun usaha ini tidak memberi impak sebagaimana yang diharapkan. Penggunaan bahasa yang rancu ini akan berterusan kerana masyarakat kita sudah sebatang dengan kefahaman yang sedia ada (S. Nathesan, 2010:8). Bagi mengatasi masalah kekeliruan bahasa dalam masyarakat, kajian ini diharapkan dapat menjadi wadah penyebaran ilmu berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan tanda perniagaan. Melalui prosedur kerja AKB yang keempat (menjelaskan kesalahan) dan yang kelima (membetulkan kesalahan), pengkaji mengharapkan agar masyarakat tidak lagi terkeliru dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul dengan yang salah kerana kajian ini boleh dijadikan panduan yang berguna.

Isu kerancuan bahasa ini semakin parah apabila kerajaan negeri Melaka menggunakan ejaan “bandaraya” sebagai penggunaan rasmi negeri setelah diisytiharkan sebagai negeri yang berstatus bandar raya pada 23 April 2003. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada portal rasmi negeri Melaka, terdapat tiga rutin penggunaan rasmi negeri yang menggunakan ejaan “bandaraya”. Pertama, penggunaan gelaran dan status negeri Melaka, iaitu “Melaka Bandaraya Bersejarah”. Kedua, penamaan nama ibu negeri Melaka, iaitu “Bandaraya Melaka”. Ketiga, penamaan PBT di Melaka, iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Ejaan “bandaraya” ini jelas sekali menunjukkan penyimpangan sistem pada ejaan ayat majmuk. Sungguhpun penggunaannya sah setelah digazetkan sebagai kata nama khas, namun dasar bahasa telah menetapkan bahawa hanya nama tempat dan nama khas yang dibentuk sebelum tahun 1972 sahaja perlu dikekalkan dengan ejaan cara lama walaupun mengandungi ejaan yang menyimpang dengan sistem bahasa (Zaiton Abd. Rahman, 2003:10).

Tindakan kerajaan negeri Melaka menggunakan ejaan “bandaraya” sebagai kata nama khas jelas menunjukkan kerancuan bahasa. Hal ini akan menimbulkan implikasi yang cukup besar kepada masyarakat umum yang sudah tentunya akan menerima pemahaman bahasa yang salah, iaitu ejaan “bandaraya” itu merupakan ejaan yang betul sedangkan ia bersalahan dengan sistem ejaan yang sebenar. Maka tidak hairanlah sekiranya didapati ejaan kata majmuk yang melibatkan kosa kata “raya” akan dieja dengan menggunakan satu perkataan sahaja seperti “bandaraya, pasaraya dan lebuhraya”. Senario seperti ini sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat dan mereka sendiri tidak pernah sedar akan kesalahan bahasa yang berlaku. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang disampaikan oleh Hassan Ahmad (Abdul Rahim Abu Bakar, 2005:91) yang mengaitkan situasi ini dengan menyatakan bahawa bahasa yang dianggap salah dari segi peraturan bahasa formal boleh jadi betul dari segi peraturan

sosialnya. Melalui kajian ini juga, pengkaji berusaha untuk memberi pendedahan kepada PBT di Melaka serta masyarakat umum bahawa penggunaan rasmi kerajaan negeri Melaka ini bersalahan dengan peraturan bahasa dan perlu diperbetul. Pada masa yang sama, pengkaji juga turut membuat rumusan dengan menyatakan statistik kesalahan bahasa, jenis kesalahan dan ranah yang terlibat untuk tindakan PBT negeri Melaka. Sekiranya kerancuan yang terpampang pada penggunaan slogan rasmi kerajaan negeri Melaka, berserta penggunaan papan iklan yang menggunakan bahasa yang salah digunakan secara berterusan tanpa ada pembedahan, maka sampai bila-bilapun masyarakat akan menganggap bahawa bahasa yang digunakan itu merupakan bahasa yang betul.

Kesimpulannya, masalah yang telah dibincangkan sebelum ini telah mendorong pengkaji untuk melakukan satu kajian yang lebih terperinci agar masalah kerancuan bahasa ini dapat diselesaikan secara tuntas. Penggunaan papan tanda perniagaan yang mempunyai kesalahan bahasa yang pelbagai dan wewenang serta penggunaan slogan dan gelaran rasmi negeri Melaka yang bertentangan dengan hukum tatabahasa ini akan memberi implikasi yang cukup besar kepada bangsa dan negara kita. Kerancuan bahasa ini akan mengaburi identiti negara kita dan juga memberi gambaran bahawa betapa lemahnya jati diri masyarakat kita terhadap bahasa kebangsaan. Sekiranya tidak dibendung, isu ini akan menunjukkan betapa rancunya bahasa Melayu. Situasi ini sudah tentunya akan menjadi batu penghalang terhadap segala usaha yang dilakukan sejak sebelum merdeka sehingga ke sekarang bagi memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi persekutuan. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilakukan agar penggunaan bahasa yang betul pada papan tanda perniagaan dapat dilakukan secara efisien, terutamanya melibatkan tindakan PBT di setiap negeri.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi tiga objektif utama, iaitu:

- i. mengenal pasti kerancuan bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka.
- ii. menganalisis kerancuan bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka dengan menggunakan Analisis Kesalahan Berbahasa (AKB), Tarigan, 1984.
- iii. merumuskan kerancuan bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka.

1.4 Persoalan Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa persoalan bagi memenuhi ketiga-tiga objektif kajian. Persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah berlaku kerancuan bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka?

- ii. Apakah bentuk kerancuan bahasa yang berlaku di papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka?
- iii. Apakah rumusan yang dapat dikemukakan berkaitan kerancuan bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka?

1.5 Kepentingan Kajian

Dalam keadaan kemampuan bahasa Melayu yang semakin kehilangan kuasa dan sering kali dipertikaikan akan kewibawaannya, maka usaha ini dilihat penting sebagai satu usaha untuk memulihkan semula martabat bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Usaha ini mampu merubah persepsi masyarakat yang sedia ada dengan meneguhkan semula jati diri bangsa dan mengukuhkan identiti negara kita terhadap bahasa Melayu yang kian terhakis akibat perubahan nilai yang dibawa arus globalisasi. Hal yang sama juga turut disarankan oleh Awang Sariyan melalui tulisan Nurul Amanina Suhaini (2017) yang mengatakan bahawa perlunya usaha yang berterusan untuk memartabatkan bahasa Melayu berikutan cabaran dalaman dan luaran terhadap bahasa Melayu. Pendek kata, kajian ini merupakan satu bentuk perjuangan untuk membangkitkan dan menyatakan rasa kecintaan dan kebanggaan kita terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, terutamanya dalam menyahut harapan Teo Kok Seong (2017) yang ingin melihat wujudnya satu peribadi kebangsaan dalam kalangan warga Malaysia terhadap bahasa Melayu.

Kajian ini juga mampu mencetuskan pembangunan papan tanda perniagaan yang lebih sistematik dan efisien di negara kita. Fungsi papan tanda akan menjadi lebih bermakna apabila bukan lagi sekadar berfungsi sebagai alat pengiklanan yang menerangkan sesuatu perniagaan ataupun perkhidmatan, bahkan turut menjadi alat yang berkesan untuk mendidik masyarakat berkaitan ilmu linguistik dengan cara yang lebih mudah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Awang Sariyan (1984:28) yang menyatakan bahawa masyarakat perlu disedarkan tentang kerancuan bahasa yang berlaku sekarang, bukan dengan niat untuk menimbulkan rasa takut dalam kalangan pengguna bahasa, tetapi dengan maksud untuk memberikan pendidikan bahasa kepada mereka. Justeru, fungsi dan peranan papan tanda dapat dilestarikan sebagai wadah informasi linguistik yang lebih bermakna kepada masyarakat. Pengkaji turut yakin bahawa ilmu yang disampaikan secara visual ini lebih mudah diterima dan terkesan kepada masyarakat, terutamanya apabila papan tanda perniagaan ini dipandang dan dibaca pada setiap hari rutin pekerjaan mereka.

Selain itu, kajian ini mampu memberi penjelasan kepada masyarakat tentang penyalahgunaan bahasa yang berlaku pada papan tanda perniagaan di premis perniagaan. Pengkaji berpendapat bahawa ia wajar dijadikan rujukan oleh PBT di negara kita, khususnya di Melaka bagi membantu pegawai-pegawai PBT yang menghadapi kesulitan untuk mengesahkan ketepatan bahasa yang digunakan pada borang permohonan iklan perniagaan oleh individu mahu pun syarikat. Secara tidak langsung, usaha PBT ini turut membantu pihak DBP bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan. Hal ini bertepatan dengan harapan Awang Sariyan (Nurul Amanina, 2017) yang menggesa PBT supaya bersama-sama dengan DBP untuk bertindak lebih tegas

dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan dengan mewajibkan dan menguatkuasakan undang-undang kecil pengiklanan.

Akhir sekali, kajian ini perlu bagi menambah jumlah kekayaan hasil kajian yang dilakukan oleh para sarjana khususnya berkaitan bahasa kebangsaan dan ilmu linguistik. Menurut Awang Sariyan (2017:299-300), kajian terhadap bahasa ini penting bagi memberi gambaran kepada masyarakat akan kemajuan kajian bahasa dan linguistik di negara kita. Pada masa yang sama, kajian ini mampu dijadikan sumber rujukan untuk golongan pelajar mahupun pendidik terutamanya yang berkaitan dengan aspek ejaan dan tatabahasa. Kajian ini turut membuka ruang dorongan kepada para pengkaji dan sarjana yang lain untuk melakukan kesinambungan kajian yang lebih hebat dan menjadikan kajian ini sebagai satu daripada sumber rujukan mereka. Hal ini bertepatan dengan pendapat Tarigan (1984:iii) yang menyatakan bahawa setiap hasil kajian yang tidak akan sempurna pada awalnya akan menjadi lebih sempurna apabila adanya usaha penambahbaikan daripada hasil kajian yang baru.

1.6 Batasan Kajian

Dalam konteks kajian, sampel kajian hanya melibatkan papan tanda perniagaan di premis perniagaan yang mendaftar secara rasmi dengan pihak MBMB. Selepas proposal kajian pengkaji diluluskan, data kajian telah dipungut pada Oktober 2017 sehingga Januari 2018, iaitu dalam tempoh pengajian pengkaji. Sebanyak 131 data papan tanda perniagaan telah direkodkan. Premis perniagaan yang terpilih pula hanya melibatkan premis perniagaan yang menggunakan iklan papan tanda perniagaan yang dipasang atau digantung pada bahagian luar bangunan premis dan boleh dilihat dengan jelas oleh orang ramai melalui tiga laluan utama di kawasan bandar Peringgit. Tiga laluan utama tersebut adalah melibatkan Jalan Tun Abdul Razak, Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) dan Jalan Panglima Awang yang terletak di simpang utama bandar Peringgit (Lampiran 2).

Aspek kerancuan bahasa yang diteliti pada kandungan papan tanda perniagaan ini merangkumi nama syarikat/perniagaan, jenis perniagaan dan maklumat perniagaan yang dipaparkan kepada umum. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pegawai MBMB yang terlibat (Lampiran 3), tiga zon premis perniagaan telah dipilih sebagai ranah utama kajian. Ketiga-tiga zon premis perniagaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Zon 1: Kompleks Melaka Sentral (terminal, pasar dan bazar) dan Plaza Melaka Sentral, Jalan Tun Abdul Razak, Peringgit, Melaka.
- ii. Zon 2: Premis Perniagaan Taman Sri Cempaka, Lebuhraya AMJ, Taman Sri Cempaka, Peringgit, Melaka.
- iii. Zon 3: Pasar raya Tesco, Pusat Beli-belah AEON, Jalan Panglima Awang dan Premis Perniagaan Taman Lagenda, Peringgit, Melaka.

Justifikasi pemilihan ranah ini adalah disebabkan oleh ketiga-tiga zon ini telah menjadi pusat tumpuan orang ramai. Rincian justifikasi pemilihan ranah kajian adalah seperti yang berikut:

- i. terletak secara berpusat di simpang utama bandar Peringgit.
- ii. terletak berhampiran pusat beli belah terkenal seperti Mydin, Tesco dan AEON.
- iii. terletak pada mercu tanda kebanggaan negeri Melaka seperti Terminal Melaka Sentral, Bazar Melaka Sentral dan Pasar Besar Melaka Sentral.

Proses penganalisan terhadap data yang dikumpulkan ini pula melibatkan lima prosedur kerja yang terdapat di dalam AKB (Tarigan, 1984), iaitu (i) mengumpulkan data kesalahan, (ii) mengidentifikasi dan mengklasifikasi kesalahan, (iii) memperingkat kesalahan, (iv) menjelaskan kesalahan dan (v) membetulkan kesalahan. Setiap data papan tanda perniagaan yang dikumpulkan ini disediakan mengikut sumber primer di lapangan, iaitu berdasarkan ejaan dan susun atur tulisan yang sebenar, tanpa melibatkan sebarang perubahan.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Kerancuan bahasa

Menurut Teo Kok Seong (2006:699-700), kerancuan bahasa Melayu ini merangkumi tiga jenis keadaan. Pertama, merujuk kepada bentuk-bentuk bahasa yang melanggar hukum dan peraturan standard bahasa Melayu. Kedua, merujuk bahasa Melayu yang menggunakan atau sarat dengan perkataan dan frasa bahasa Inggeris yang bukan pun merupakan kata-kata pinjaman. Manakala, yang ketiga pula merujuk kepada penggunaan bahasa Inggeris sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya menggantikan bahasa Melayu sebagai bahasa wahana.

Sementara itu, Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012:2-3) telah mendefinisikan kerancuan bahasa ini kepada penggunaan bahasa yang tidak teratur, tidak tepat dan bercampur-campur kerana tidak mengikut peraturan bahasa, sama ada dari segi sintaksis, morfologi, fonologi, kosa kata, istilah dan sebagainya, yang menyebabkan kekacauan dan ketidaktekanan dari segi pembentukan ayat, klausa, frasa, ejaan, sebutan, kosa kata dan istilah. Selain itu, Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:1097) memberikan definisi kerancuan sebagai keadaan yang tidak teratur, bercampur aduk dan kekacauan (bahasa).

Nuwairi (1991:2) turut menjelaskan bahawa, pelbagai istilah lain yang turut digunakan oleh ahli linguistik dan cendekiawan bahasa di negara kita bagi membawa pengertian yang bersinonim dengan maksud kerancuan bahasa, iaitu merujuk kepada gejala bahasa rojak, pencemaran bahasa, penyalahgunaan bahasa, kesalahan bahasa dan penyimpanan bahasa (Awang Sariyan, 2004:1-3; Farid M. Onn, 1979:29-30; Chuah Chong-Cheng, 1979: 40-60; Hassan Ahmad, 1979:9-20; Nik Safiah Karim, 1980:9-

21). Berdasarkan konteks definisi kerancuan bahasa yang telah dijelaskan oleh Teo Kok Siong (2006), Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012), Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) dan Nuwairi (1991), maka pengkaji menyimpulkan bahawa istilah kerancuan bahasa ini berkaitan dengan perihal kacau-bilau yang berlaku terhadap sistem bahasa itu sendiri disebabkan oleh beberapa jenis pelanggaran hukum tatabahasa. Bahasa yang terhasil daripada gejala ini mengandungi kesalahan bahasa yang pelbagai, merangkumi setiap elemen utama dalam bidang linguistik seperti aspek ejaan, morfologi, sintaksis dan leksikon.

Tarigan (1984:179-182) telah menjelaskan definisi terhadap keempat-empat elemen utama linguistik tersebut. Kesalahan ejaan ialah kesalahan menuliskan kata atau kesalahan menggunakan tanda baca. Kesalahan morfologi pula merujuk kepada kesalahan pemakaian afiks (imbuan), salah menggunakan kata ulang (ganda), salah menyusun kata majmuk dan salah memilih bentuk kata. Kesalahan sintaksis merujuk kepada penyimpangan struktur frasa, klausa dan kalimat (ayat), serta ketidaktepatan pemakaian partikel, manakala kesalahan leksikon merujuk kepada kesalahan memakai kata yang tidak atau kurang tepat dalam kalimat.

Oleh sebab definisi yang diberikan oleh Tarigan (1984) berkaitan teras linguistik ini terlalu umum dan bersifat keindonesiaan, maka pengkaji telah memodifikasikan definisi tersebut supaya lebih relevan dengan kajian yang dilakukan di Malaysia. Pengkaji telah merincikan kesalahan ejaan ini kepada lima jenis, iaitu (i) kesalahan ejaan kata pinjaman, (ii) kesalahan ejaan kata majmuk, kesalahan ejaan kata nama khas, (iv) kesalahan ejaan rangkai kata dan (v) kesalahan penggunaan tanda baca (Abdul Hamid Mahmood, 1998:34-64). Pengkaji juga telah merincikan definisi aspek morfologi kepada dua jenis kesalahan, iaitu (i) kesalahan penggunaan imbuhan dan (ii) kesalahan penggunaan kata sendi nama. Bagi aspek sintaksis pula, pengkaji menfokuskan kesalahan ayat kepada tiga jenis, iaitu (i) pelanggaran hukum D-M, (ii) kesalahan percampuran kod dan (iii) penggunaan ayat yang tergantung (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2006:149).

1.7.2 Papan Tanda Perniagaan

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Zaharani Ahmad *et al.* (2003:9), definisi papan tanda perniagaan bermaksud tanda nama syarikat atau kedai yang menjalankan aktiviti perniagaan dan dipamerkan pada premis tersebut. Manakala, Mohammed Zin Nordin *et al.* (2013:330) mendefinisikan papan tanda perniagaan ini kepada papan-papan nama pada premis perniagaan dan seumpamanya, iaitu dikategorikan sebagai iklan atau papan tanda bangunan dan rumah kedai. Konsep papan tanda perniagaan ini bertujuan untuk mempromosikan perniagaan dan diletakkan di hadapan premis perniagaan supaya masyarakat dapat mengetahui produk yang diniagakan.

Menurut Zaiton Abd. Rahman (2003:9) pula, iklan atau papan tanda bangunan dan rumah kedai juga termasuk dalam kategori papan tanda perniagaan. Tanda nama yang tertampal merangkumi sama ada nama syarikat, nama perniagaan dan nama pertubuhan atau seumpamanya. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) pula memberi definisi

“papan tanda” sebagai papan nama sesuatu tempat (kawasan) manakala, definisi “perniagaan” membawa maksud berniaga dan perdagangan.

Berdasarkan konteks kajian, pengkaji mengambil kesimpulan untuk memaknakan konsep papan tanda perniagaan ini kepada sebarang jenis tulisan yang digunakan pada papan, kain, kertas dan kotak yang menggunakan lampu neon oleh pemilik premis/perniagaan bagi menunjukkan suatu tanda nama, identiti dan maklumat pada suatu perniagaan. Maklumat yang sedemikian seterusnya dipamerkan pada premis, bangunan atau kedai bagi tujuan pengiklanan kepada masyarakat umum. Kebiasaannya, papan tanda ini dipamerkan pada bahagian atas premis supaya mudah dilihat dan mampu menarik perhatian masyarakat awam.

1.7.3 Kawasan Bandar Peringgit, Melaka

Melaka mempunyai tiga daerah utama, iaitu daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Bandaraya Melaka merupakan ibu negeri Melaka yang terletak di kawasan daerah Melaka Tengah, merangkumi keluasan 4.2 batu persegi. Jabatan Ukur dan Pemetaan Melaka (JUPEM) telah mengazetkan kawasan bandar utama di Bandaraya Melaka dengan istilah “Kawasan Bandar” (KB). Terdapat 43 KB di Melaka termasuklah KB 33, KB 34 dan KB 38 yang berada dalam rangkuman KB Peringgit (Lampiran 4 & 5). Laluan utama ke KB Peringgit ini ialah melalui Lebuhraya AMJ, yang menghubungkan daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Keadaan ini telah menjadikan KB Peringgit sebagai pusat pertemuan bagi ketiga-tiga daerah yang terdapat di Melaka. Infrastruktur yang terdapat di KB Peringgit ini seperti terminal bas, pasar besar dan kompleks beli belah, serta kedudukan beberapa premis perniagaan yang berpusat di lokasi simpang empat Peringgit, telah menjadikan kawasan KB Peringgit sebagai pusat tumpuan orang ramai. Kewujudan Pasar Raya Tesco, Kompleks Beli Belah AEON, Bazar Myden dan Terminal Melaka Sentral menjadikan kawasan KB Peringgit ini sebagai daya tarikan pengunjung (Lampiran 2 dan 3).

1.8 Rumusan

Melalui Bab 1 ini, pengkaji telah menghuraikan pernyataan masalah yang mendorong kajian ini dilakukan. Pengkaji juga telah menetapkan tiga objektif utama kajian sebagai matlamat yang ingin dicapai melalui kajian yang dijalankan. Pernyataan masalah dijelaskan secara terperinci dan kemudiannya dikaitkan dengan ketiga-tiga objektif. Berdasarkan konteks kajian, pengkaji turut menegaskan keempat-empat kepentingan kajian bagi menunjukkan bahawa kajian ini benar-benar mampu membawa manfaat kepada bidang pengkajian bahasa, terutamanya dalam usaha mengubah tanggapan dan pegangan masyarakat terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pengkaji juga menyentuh betapa pentingnya kajian ini dapat menyebarkan maklumat tentang kesalahan bahasa yang berlaku pada papan tanda perniagaan di Peringgit, Melaka. Definisi operasional turut dijelaskan dengan terperinci agar kajian ini dilakukan secara objektif, kolektif dan sistematik.

BIBLIOGRAFI

- Abang Patdeli Abang Muhi. (2012, April 2). Kerancuan Penggunaan Bahasa dalam Media. *Jurnal Dewan Bahasa*. Capaian pada Ogos 18, 2017. Dari <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=638>
- Abdul Hamid Mahmood. (1998). *Menguasai Ejaan Baharu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur:Syarikat Percetakan Bintang Baru.
- Abdul Hamid Mahmood. (1992). *Betulkan Kesalahan Bahasa Anda*. Kuala Lumpur:Ensimal (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Abu Bakar dan Awang Sariyan. (2005). *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur:Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Selangor:PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader. (1989). *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adenan Ayob dan Khairudin Mohamad. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam:Oxford Fajar.
- Ahmad Khair Mohd Nor *et.al.* (2012). *Tatabahasa Asas*. Selangor: Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amizul Tunizar Ahmad termizi dan Zulkarnain Othman. (2016, Oktober 19). Akibat Memperlekehkan Bahasa Melayu. *Mingguan Malaysia*, 17.
- Aniza Mohamed. (2000). *Kesalahan Penggunaan Bahasa dalam Pengiklanan*. (Tesis Sarjana Bahasa Melayu). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Arkib Negara Malaysia. Capaian pada 21 Jun 2018. Daripada hids.arkib.gov.my
- Asmah Hj. Omar. (2015). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asnida Gani. (2007). *Strategi Mengajar Tanda Bacaan*. (Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan). Fakulti Bahasa Melayu UPSI.
- Awang Sariyan. (2017). *Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemartabatan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Sariyan. (2017). Peri Pentingnya Penegasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam Bidang Penyiaran untuk Memperkukuhkan Asas Citra Kebudayaan Kebangsaan. Dalam Hashim Ismail (Ed.), *Kebudayaan Kebangsaan Dicarbar*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2002). *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur:Dewan bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2000). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1988). *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya:Penerbit Fajar Bakti.
- Awang Sariyan. (1984). *Konsep Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Hamzah. (2004). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1). Capaian pada 10 September 2017. Dari www.myjournal.my
- Bandaraya di Malaysia. Capaian pada 10 Disember 2019. Dari <https://ms.m.wikipedia.org>
- Bryman. (2008). Qualitative Research in Organisations and Management. *An International Journal*. 1746-5648.
- Elham Akbari & Reza Kheirabadi. (2015). *A Linguistic Analysis of Error in Agencies and Websites of Iran*. 5(11), ISSN 1799-2591.
- Erni Meikayanti dan Yuli Kuswardani. (2016). Penyimpangan Taksonomi Kategori Linguistik pada Surat Lamaran Kerja Mahasiswa IKIP PGRI. Capaian pada 10 September, 2017. Dari <http://e-journal.unipma.ac.id/index.php/JP-LPPM/article/view/422>
- Fauzilah Mustafa dan Rohaida Baharudin (Peny.). (2003). *Kamus Sociolinguistik*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fina Sa'adah. (2016, Mac 3). Analisis Kesalahan Berbahasa dan Peranan dalam Pembelajaran Bahasa Asing. Capaian pada 10 September 2017.Dari [http://journal.walisongo.ac.id/index.php/wahana/article /view/351](http://journal.walisongo.ac.id/index.php/wahana/article/view/351)
- Gaya Dewan. (1995). (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gholam-Reza Parvizi, Mahdieh Shafipour & Jafar Mashayekh. (2016). *An Examination of the Errors Committed by Iranian MA Students in their Translation of Advertisement Slogans Based on Keshavarz's Taxonomy of Errors*. 12(12), ISSN 1923-6700.
- Guta Legese. (2016). *Error Analysis in Billboard Advertisement Written in Afan Oromo in Jimma Town*. 7(6), 62-68. ISSN 2141-6540.
- Hashim Musa dan Halimah Pondo. (2012). *Isu Sociolinguistik di Malaysia*. Serdang, Selangor:Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Haugen, Einar. (1972). *The Ecology of Language*. California:Stanford University Press.
- Ismail Dahaman. (1997). *Nama Khas dan Iklan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman. (1996). *Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. (2009). *Bahasa Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. (2007). *Bahasa Melayu Apa Sudah Jadi?*. Kuala Lumpur:PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. (2015). (Edisi Keempat). Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, Fred, N. (1970). *Foundations of Behavioral Research*. University of Michigan:Holt, Rinehart & Winston.
- Khairun Nisa. (2018). Analisis Kesalahan Berbahasa pada Media Berita dalam Media Surat Kabar Indonesia Baru. *Jurnal Bindo sastra*. Capaian pada 20 Januari, 2019. Dari <https://www.researchgate.net/publication/329448912>
- Lai Che Ching @ Abd Latif. (2006). Memetakan Kaedah Analisis Kandungan:Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Kinabalu*. 47-61.
- M.N. Rashidi, Ara Begum, R.M. Mokhtar dan Pereira J.J. (November 2014). Pelaksanaan Analisis Data Menggunakan Model Pengukuran Rasch bagi Menentukan Wajaran Item. *Journal of Advanced ResearchDesign*, 2(1), 1-9. Dari http://www.akademiabaru.com/doc/ARDV2_N1_P1_9.pdf
- Masitah Muhammadin, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu pada Papan Nama Premis Perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 6(1): 41-50. Dari journalarticle.ukm.my/12454/1/jatma-2018-0601-04.pdf
- Mayudin Othman. (2003). *Kesalahan Bahasa Melayu yang terdapat pada Iklan dan Papan Tanda dari Aspek Ejaan dan Aspek Morfologi*. Serdang:Universiti Putra Malaysia
- Mohd. Yusof Hj Othman. (2005). *Pembinaan Konseptual dalam Pembelajaran di IPT*. Bangi Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan. (2018). Aliran Pertuturan Bahasa Rojak dalam kalangan Pengguna Facebook di Malaysia. Terengganu:Universiti Teknologi MARA.
- Mohammed Zin Nordin, Mohd Taib Ariffin, Khairul Azam Bahari, Siti Munirah Md. Zukhi. (2013). *Tanjung Malim:Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa Papan Tanda Perniagaan*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

- Mugambi A., Mukuthuria M. & Kobia J.M. (April, 2016). *Error Analysis in Mass Media in Kenya: A Case Study of Radio News Bulletins from Kenya Broadcasting Corporation Kishwahili Station and Radio Citizen*. 2(3), 173-188. ISSN 2105 6008.
- Nazira, Keriya, Samsudin dan Suhaili. (2003). Kesalahan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Iklan-iklan di Surat Khabar (Mingguan Malaysia). *Malaysian Education Research Repository*. Capaian pada 15 Ogos 2018. Dari <http://merr.utm.my/1363/>
- Nik Safiah Karim. (1982). *Kesalahan Bahasa dalam Konteks Pemakaian Kebudayaan dan Sosial: Beberapa aspek Penggunaan Bahasa dalam Laras Iklan, dalam Seminar Kesalahan-kesalahan Penggunaan Bahasa di dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1980). Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesan Terhadap Pengajaran Bahasa Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa*. 24(6), 368-372.
- Nik Safiah Karim *et.al.* (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aida Mahmor, Nasariah Mansor dan Faizah Ahmad. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. Dalam *Seminar on National Resilience 2014 (SNAR 2014)*, 23 December 2014, Premiera Hotel, Kuala Lumpur.
- Noor Akhmarisha Saari dan Rusniyati Mahiyaddin. (2017 Januari). Analisis Linguistik terhadap Penggunaan Media Sosial dalam kalangan Pelajar di IPTS. *Al-Lisan International Journal for Linguistic & Literary Studies*. 1(1), 151-165. Dari <http://ojs.mediu.edu.my/index.php/AIJLLS/article/view/554>
- Nurul Amanina Suhaini, (2017, Ogos 28). Bahasa Melayu Masih Goyah. *Berita Harian*, 81.
- Nuwairi Hj Khaza'ai. (1991). *Beberapa Bentuk Kesalahan dalam Surat Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Ratna Susanti dan Dewi Agustini. (2016). Analisis Kesalahan Berbahasa pada Penulisan Iklan Luar Ruang di Kota Surakarta. *Jurnal Sainstech Politeknik Indonusa Surakarta*, 2 (5), 2355-5009.
- Rustam A. Sani. (2011). *Politik dan Polemik Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- S. Nathesan. (2010). *Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Malaysia dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabitha. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

- Sarwito Wirawan Sarwono. (2016). Kesalahan Penggunaan Bahasa pada Penulisan Papan Nama dan Sepanduk di Provinsi Jambi. *Jurnal Ilmiah Kebahasaan & Kesastraan*. 12 (2).
- S. Syahriandi. (2014). Analisis Kesalahan Bahasa pada Media Serambi Indonesia. *Jurnal Metamorfosa*, 2(1). Capaian pada 15 Ogos 2018. Dari <https://metamorfosa.stkipgetsempena.ac.id/?journal=home&page=article&op=view&path%5B%5D=15&path%5B%5D=11>
- Sulaiman Masri, Ahmad Khair Mohd Nor. (2006). *Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tarigan, Henry Guntur. (1988). *Pengajaran Pemerolehan Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur & Djago. (1984). *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Teo Kok Seong. (2017, Januari 23). Usah Sangsi Keupayaan Bahasa Melayu. *Berita Harian*, 84.
- Teo Kok seong. (2006). Kerancangan dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 6(4), 697-712.
- Zaharani Ahmad *et.al.* (2003). *Tahap Penggunaan Bahasa Melayu di Tempat Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharuddin Abdul Rahman (1987). Pencemaran Bahasa pada Iklan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 30(1), 751-758.
- Zainab Hj. Zain (1980). *Penyalahgunaan Bahasa di Papan Tanda*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid. (2008). *Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran kuno atau moden?*. Batu berendam: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Zaiton Abd. Rahman. (2003). Pengenalan kepada Bahasa: Dasar Bahasa dan Pelaksanaannya. Dalam *Seminar Penerbitan Ilmiah: Ketrampilan Bahasa Dalam Penulisan*. Langkawi, Kedah Darul Aman: Penerbit Universiti Malaysia.

BIODATA PELAJAR

Isbahudin bin Awang Halim dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1 Mei 1977. Menerima pendidikan sekolah rendah di SK. Kor, Kota Bharu dan seterusnya ke sekolah menengah di SMK Mulong, Kota Bharu untuk SPM dan SMK Kota, Kota Bharu untuk STPM. Pada tahun 1997, penulis telah melanjutkan pelajarannya ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tutor di USM selama 2 tahun dan kemudiannya menyambung pelajaran ke Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), Kuala Lumpur untuk program KPLI. Pada tahun 2014, pengkaji telah ditempatkan sebagai seorang guru di SMK Sri Mersing, Mersing, Johor sebagai guru bahasa Melayu. Pada tahun 2010, pengkaji telah berpindah ke Melaka dan mengajar di SMK. Tun Haji Abdul Malek. Pada tahun 2011, pengkaji telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Pengkaji juga merupakan ahli jawatankuasa pemilihan buku teks KOMSAS dan Kesusasteraan Melayu sekolah-sekolah menengah di Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga penceramah teknik menjawab bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu SPM. Pada tahun 2016, pengkaji telah berjaya mendapat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) daripada Bahagian Tajaan KPM dan menyambung pelajaran ke peringkat master di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang bahasa Melayu. Kini pengkaji masih aktif menjadi guru pemeriksa Kesusasteraan Melayu SPM dan Kesusasteraan Melayu Komunikatif STPM.